

# Bantuan pastikan perniagaan pulih sebaik ekonomi stabil

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Julai 27, 2021 @ 8:00am  
mahanum\_aziz@bh.com.my



Bantuan kepada perniagaan merangkumi lima bidang utama iaitu bantuan kewangan, cukai, pekerjaan, pendigitalan, subsidi dan pengecualian/pelepasan. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited dan prihatin dalam memastikan kelangsungan perniagaan di negara ini dengan menyediakan bantuan sokongan perniagaan menyeluruh dalam mendepani cabaran dicetuskan langkah membendung penularan COVID-19.

Bantuan yang disediakan kerajaan dalam pakej bantuan dan rangsangan ekonomi setakat ini bukan saja bersifat jangka pendek tetapi juga untuk menyokong perniagaan pasca COVID-19.

Setakat ini, sebanyak lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 billion dilaksanakan kerajaan dan ia dirangka mengikut keperluan dan perkembangan situasi semasa ketika ia dilancarkan, di samping saling melengkapi antara satu sama lain.

Justeru, adalah wajar untuk melihat setiap pakej bantuan dan ekonomi yang dilaksanakan itu secara bersama dan ia bukan terasing antara satu sama lain.

Bantuan kepada perniagaan merangkumi lima bidang utama iaitu bantuan kewangan, cukai, pekerjaan, pendigitalan, subsidi dan pengecualian/pelepasan.

Tumpuan bantuan yang disediakan Malaysia itu juga adalah sejajar dengan pelaksanaan di negara lain seperti di Singapura, China, Korea Selatan, New Zealand dan United Kingdom.

Bantuan perniagaan yang disediakan itu turut merangkumi bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mikro dalam menguruskan aliran tunai mereka.

Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah moratorium pinjaman, subsidi upah dan insentif pengajian mengekalkan pekerja dan kapasiti syarikat, geran bantuan pinjaman dan jaminan pembiayaan.

## TERKINI

## PILIHAN PEMBACA

5m 100,000 kit ujian sendiri COVID-19 bakal diagih - TMJ

9m New South Wales catat kes harian

16m Imbas memori indah di tanah suci

21m OLIMPIK: Rahsia di sebalik jambangan bunga

21m Malaysia rekod 521,923 dos suntikan vaksin semalam - JKAV


23m Sarjan didakwa rasuah RM5,000

23m Pelajar cemerlang STPM, SPM Hulu Terengganu terima insentif

## VAKSIN



**NASIONAL** 22 minit yang lepas  
Malaysia rekod 521,923 dos suntikan vaksin semalam - JKAV




**AS LOW AS RM8.80 DEALS**  
SHOP NOW

## VAKSIN



**NASIONAL** 22 minit yang lepas  
Malaysia rekod 521,923 dos suntikan



Pengarah Belanjawan Negara, Datuk Johan Mahmood Merican, berkata bantuan yang disediakan untuk perniagaan adalah menyeluruh untuk memastikan kelangsungan perniagaan di tengah-tengah persekitaran mencabar dicetuskan COVID-19.

Belliau berkata, bantuan kepada perniagaan adalah untuk mengekalkan pekerja dan kapasiti supaya perniagaan boleh pulih dengan pantas sebaik saja ekonomi pulih.

Katanya, sejak tahun lalu, lebih RM15 bilion disalurkan menerusi Program Subsidi Upah (PSU) bagi membantu kelangsungan perniagaan dan menjamin pekerjaan.

"Saya rasa tidak pernah dalam sejarah Malaysia, kerajaan menyediakan geran atau bantuan kepada sektor perniagaan sebesar ini," katanya dalam satu temubual secara maya baru-baru ini.

Johan berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) juga turut menyediakan akses bantuan kewangan kepada usahawan PKS, yang mana ia adalah satu keunikan yang dilakukan Malaysia dalam membantu PKS dalam mendepani cabaran pandemik.

Belliau berkata, setakat ini, bank pusat itu telah memperuntukkan RM27 bilion untuk memenuhi keperluan pembiayaan PKS, yang mana masih ada baki lebih RM8 bilion lagi belum digunakan.

"Diharapkan dana ini dapat memenuhi pelbagai keperluan PKS dalam meredakan kekangan aliran tunai perniagaan mereka," katanya.

#### **Keprihatinan kerajaan beri kelegaan kepada usahawan**

Bantuan yang disediakan kerajaan dalam pakej bantuan dan rangsangan ekonomi mampu memberi kelegaan kepada tekanan aliran tunai yang dihadapi peniaga, demikian kata penganalisis.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi cabaran kepada perniagaan dari segi pendapatan mereka. Belliau berkata, perniagaan tidak kira kecil atau besar akan mempunyai kos tetap dan kos berubah dalam menjalankan perniagaan, dengan antara kos tetap yang ditanggung seperti sewa premis perniagaan, gaji pekerja dan pembayaran pembiayaan perniagaan.

Justeru, katanya, apabila berlaku kehilangan kutipan hasil jualan, ia akan memberi tekanan kepada sesebuah perniagaan disebabkan kos tetap yang masih perlu dibayar.

"Sehubungan itu, bantuan kerajaan seperti moratorium bayaran pinjaman bank, subsidi upah, geran perniagaan serta kelonggaran untuk melunaskan bayaran berkanun seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan cukai seharusnya dapat memberi sedikit kelegaan kepada peniaga untuk berhadapan dengan pandemik," katanya.

Belliau berkata demikian kepada BH bagi mengulas mengenai bantuan yang diberikan kerajaan untuk memastikan kelangsungan perniagaan meskipun berdepan cabaran dicetuskan pandemik.

Dalam berdepan situasi pandemik yang masih tidak pasti bila akan berakhir dan bila pula kegiatan ekonomi akan dapat dibuka sepenuhnya, Mohd Afzanizam berkata, peniaga disaran untuk sentiasa cakna mengenai bantuan yang disediakan kerajaan itu.

Belliau berkata, peniaga juga perlu sentiasa mengemaskini maklumat mengenai bantuan yang diberikan dengan melayari laman web agensi kerajaan yang berkenaan seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), TEKUN Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Pembangunan, Bank Simpanan Nasional dan Bank Negara Malaysia.

Selain itu, katanya, sekiranya perniagaan mereka mempunyai persatuan, maka gunakanlah platform itu untuk berbincang dan berdialog sesama ahli untuk mencari jalan penyelesaian.

"Umumnya, peniaga perlu sentiasa proaktif dalam usaha untuk mengurangkan kesan pandemik kepada perniagaan mereka. Tidak kurang juga mereka perlu mencari ruang atau peluang untuk memajukan perniagaan terutama dari sudut persediaan apabila ekonomi mula dibuka secara beransur-ansur," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia, Profesor Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata pakej rangsangan yang diumumkan setakat ini sangat membantu kepada perniagaan.

Namun, beliau berkata, masih banyak lagi ketidakpastian pada masa depan yang akan menjejaskan peniaga dan perniagaan mereka.

Oleh itu, katanya, adalah penting untuk kerajaan merencana dasar ekonomi yang berbentuk jangka sederhana dan khusus kepada sektor tertentu.



**LAIN-LAIN (SUKAN)** 4 jam yang lepas  
**OLIMPIK: Emas pertama Malaysia hari ini?**




**NASIONAL** Jul 26, 2021 @ 9:02pm  
**DUN Sarawak sudah terbubar**

#### **MYRESIPI**



**RESEPI** Jul 9, 2021 @ 12:01mm  
**KINI TRENDING** Jul 26, 2021 @ 9:31pm  
**'Saya Terberak & Terkencing' - Polis Siasat Video Viral Wanita Tunggang...**



**SITI SARAH** Jul 26, 2021 @ 8:02pm  
**Pembantu Rumah Disahkan Positif Covid-19. Shuib Sakeluarga Buat**

